

Mengeksplorasi pengalaman guru-guru prinsip perakaunan melaksana PdP KBAT dan mengetahui pandangan mereka mengenainya

Exploring accounting principles teachers' experience in implementing HOTS T&L and their views on it

Noraisyah Abd Rahman^{1*} & Mohd Waliuddin Mohd Razali²

¹Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

²Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

**Corresponding author: noraisyahabdrahman@yahoo.com*

Received: 22 February 2024; **Accepted:** 10 May 2025; **Published:** 28 May 2025

To cite this article (APA): Abd Rahman, N., & Mohd Razali, M. W. (2025). Mengeksplorasi pengalaman guru-guru prinsip perakaunan melaksana PdP KBAT dan mengetahui pandangan mereka mengenainya. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 18(1), 145-161. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.1.15.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.1.15.2025>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengeksplorasi pengalaman guru-guru Prinsip Perakaunan melaksana PdP KBAT terdiri daripada kurikulum, pedagogi dan pentaksiran dan mengetahui pandangan mereka mengenainya. Selain ketiga-tiga elemen tersebut, pengkaji turut mengeksplorasi pandangan guru-guru Prinsip Perakaunan mengenai bengkel-bengkel KBAT dan kemudahan untuk melaksanakan PdP KBAT yang disediakan pihak sekolah. Pendekatan kualitatif fenomenologi transendental digunakan dengan didasari oleh Teori Perubahan. Seramai dua orang guru Prinsip Perakaunan masing-masing memiliki lebih 20 tahun dan 30 tahun pengalaman mengajar dan bertugas di sekolah menengah harian di Kuala Lumpur dan di negeri Selangor telah terlibat sebagai informan kajian. Mereka dipilih menggunakan kaedah persampelan kriteria. Data diperolehi daripada temu bual mendalam separa struktur dan dianalisis secara manual menggunakan analisis tema. Dapatan kajian menemukan 20 tema dan 4 subtema. Kajian ini turut menemukan esensi untuk mewujudkan PdP KBAT yang berkesan iaitu guru proaktif, murid aktif, pembangunan profesionalisme guru dan kemudahan melaksanakan PdP KBAT yang lengkap. Implikasi kajian ini ialah ia mendedahkan pandangan guru-guru Prinsip Perakaunan mengenai pelaksanaan PdP KBAT yang jarang ditemui dalam kajian-kajian lepas.

Kata Kunci: PdP KBAT, agen pelaksana, pengalaman, pandangan, guru-guru Prinsip Perakaunan

ABSTRACT

This study aimed to explore the experience of Accounting Principles teachers in implementing high order thinking skills (HOTS) teaching and learning (T&L) consisting curriculum, pedagogy and assessment and to know their views on it. Apart from the three element, the researcher also explored their views on HOTS workshops and facilities provided by school for HOTS T&L. A qualitative approach of transcendental phenomenology was used based on the Theory of Change. Two Accounting Principles teachers with over 20 years and 30 years teaching experience respectively and working in national secondary schools in Kuala Lumpur and in Selangor state were involved as informants. They were selected using criterion sampling method. Datas were obtained using semi-structured in-depth interview method and analyzed manually using thematic analysis. The findings give 20 themes and 4 subthemes. The essence found to create an effective HOTS T&L are; proactive teachers, active students,

Mengeksplorasi pengalaman guru-guru prinsip perakaunan melaksana PdP KBAT dan mengetahui pandangan mereka mengenainya

the development of teacher professionalism and complete facilities to implement HOTS T&L. The implication of this study is that it reveals the views of Accounting Principles teachers on the implementation of HOTS T&L which are rarely found in past studies.

Keywords: *HOTS T&L, implementing agent, experience, view, Accounting Principles teachers*

PENGENALAN

Kemahiran berfikir aras tinggi atau dikenali sebagai KBAT telah dirasmikan pada tahun 2013 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di bawah Pelan Pembangunan Pelajaran Malaysia (PPPM) 2013-2025 sebagai satu langkah usaha KPM mengatasi masalah lemah berfikir dalam kalangan murid sekolah. Pelaksanaan KBAT di sekolah merangkumi tujuh elemen. Daripada tujuh elemen tersebut, tiga daripadanya adalah elemen-elemen pengajaran dan pembelajaran (PdP) terdiri daripada kurikulum, pedagogi, pentaksiran. Ketiga-tiga elemen tersebut membentuk elemen-elemen utama disokong oleh empat lagi elemen lain iaitu kokurikulum, sokongan komuniti dan swasta, bina upaya dan sumber (KPM, 2014b). Guru-guru adalah agen pelaksana yang bertanggungjawab memastikan ketiga-tiga elemen PdP KBAT itu diterap secara berkesan di dalam bilik darjah. Namun, pandangan guru-guru Prinsip Perakaunan mengenai pelaksanaan PdP KBAT agak kurang diketahui. Keadaan ini berlaku kerana tiga faktor. Pertama, pendekatan yang digunakan oleh KPM untuk mengintegrasikan KBAT ialah atas-bawah dan tiada sebarang pelantar disediakan oleh KPM bagi guru-guru memberi maklum balas mengenai pelaksanaan PdP KBAT. Kedua, bilangan kajian mengenai pelaksanaan PdP KBAT ke atas guru-guru Prinsip Perakaunan adalah sedikit kerana Prinsip Perakaunan adalah mata pelajaran elektif SPM yang kurang mendapat perhatian para pengkaji KBAT. Ketiga, walaupun terdapat beberapa kajian dijalankan ke atas guru-guru Prinsip Perakaunan, kebanyakan kajian-kajian tersebut adalah berbentuk kuantitatif. Setiap guru sudah pasti memiliki pandangan tersendiri mengenai pelaksanaan PdP KBAT bagi mata pelajaran yang diajari. Sebagai contoh, seorang guru Matematik sekolah rendah bernama Fadli Mohamed Salleh juga lebih dikenali sebagai 'Cikgu Fadli' telah dikenakan tiga pertuduhan oleh Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Pendidikan KPM namun dibebaskan kerana telah mengkritik sistem pendidikan negara menerusi laman Facebook beliau yang menyatakan bahawa silibus pembelajaran Matematik sekolah rendah adalah terlalu tinggi dan tidak sesuai (Ekhwan Haque, 2022). Pengkaji merasakan kajian ini wajar dijalankan untuk mengetahui dengan lebih mendalam pandangan guru-guru Prinsip Perakaunan berhubung pelaksanaan PdP KBAT.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengeksplorasi pengalaman guru-guru Prinsip Perakaunan melaksanakan PdP KBAT dan mengetahui pandangan mereka mengenainya.

TINJAUAN LITERATUR

Teori Perubahan

Connolly dan Seymour (2015) mendefinisi teori perubahan sebagai andaian ramalan mengenai hubungan antara perubahan yang diinginkan dan tindakan yang dapat menghasilkan perubahan tersebut. Chen (2015) mendefinisi teori perubahan sebagai model bagaimana perubahan dijangka berlaku (*ex ante case*) atau bagaimana perubahan telah berlaku (*ex post case*). Reinholz dan Andrews (2020) berhujah bahawa teori perubahan adalah spesifik kepada suatu projek dan berkaitan dengan penilaian. Ia hanya boleh difahami dalam konteks ia dibina seperti dalam suatu aspek, disiplin, bidang, organisasi, pengurusan, program atau komuniti.

Teori Perubahan Dalam Pendidikan

Dalam bidang pendidikan, teori perubahan dicadangkan bagi mengubah atau menambahbaik proses pendidikan. Menurut Connolly dan Seymour (2015), membuat tanggapan eksplisit yang akan menjadi kandungan teori perubahan pendidikan dapat meningkatkan lagi kebarangkalian bahawa pelaksanaan tindakan tertentu akan membolehkan matlamat yang diinginkan tercapai. Justeru, salah satu cara untuk meningkatkan kebarangkalian bahawa suatu inisiatif perubahan pendidikan itu berhasil ialah dengan mendeskripsi program yang bakal dilaksanakan. Deskripsi program itu pula mengandungi teori perubahan yang menyatakan strategi tindakan yang bakal diambil.

KBAT Adalah Satu Perubahan Pendidikan

Menurut Fullan (2001) untuk sesuatu intervensi atau projek pendidikan itu diiktiraf sebagai “perubahan pendidikan”, ia hendaklah memenuhi tiga ciri iaitu; (1) kemungkinan menggunakan bahan baharu atau disemak termasuk sumber pengajaran seperti bahan kurikulum atau teknologi, (2) kemungkinan menggunakan pendekatan pengajaran yang baharu dan (3) kemungkinan perubahan kepercayaan seperti andaian dan teori yang mendasari pedagogi. KBAT dianggap sebagai perubahan pendidikan kerana memenuhi ketiga-tiga ciri perubahan yang dinyatakan tersebut. KBAT memenuhi ciri pertama kerana setelah KBAT dilancarkan pada tahun 2013, kurikulum KSSR dan KSSM telah disemak semula bagi memenuhi piawaian KBAT dan mula digunakan pada tahun 2017. Juga, KPM telah mengeluarkan sejumlah dana yang besar bagi menampung projek *Information Communication Technology* (ICT) atau Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) untuk kegunaan di sekolah-sekolah di Malaysia. KBAT memenuhi ciri kedua kerana guru-guru dikehendaki mengubah gaya pengajaran tradisional yang berpusatkan guru kepada gaya pengajaran abad ke-21 berpusatkan murid. Guru tidak lagi mengajar tetapi memudahcara pembelajaran. KBAT memenuhi ciri ketiga kerana bilik darjah KBAT berpusatkan murid didasari oleh teori konstruktivisme.

PdP KBAT - Kurikulum

KPM (2014a) menerangkan tiga aspek penting apabila melaksanakan kurikulum KBAT. Pertama ialah mengaplikasikan domain pengetahuan, kemahiran dan nilai. Kedua ialah ia membolehkan murid membuat penaaakulan dan refleksi. Ketiga ialah ia meningkatkan kemampuan murid menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. Seiring dengan pelancaran KBAT pada tahun 2013, dokumen kurikulum yang menerapkan KBAT dikenali sebagai Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) telah dikeluarkan oleh KPM.

PdP KBAT – Pedagogi

Pedagogi KBAT yang berkesan hendaklah berpusatkan murid di mana guru memainkan peranan sebagai pemudahcara dan berusaha melibatkan murid secara aktif di dalam PdP. Pembelajaran berpusatkan murid mengkehendaki guru mewujudkan suasana bilik darjah yang kondusif bagi merangsang murid berfikir. Bagi memastikan PdP adalah kohesif dan berlaku komunikasi dua hala yang berkesan antara guru dan murid, bilik darjah KBAT disusun atur dengan keadaan guru dapat bergerak dengan bebas dan berinteraksi dengan murid dengan mudah tanpa disekat oleh murid lain.

PdP KBAT - Pentaksiran

Penilaian Berasaskan sekolah atau PBS yang digunakan untuk mentaksir kurikulum berlandaskan KBAT didefinisi sebagai pentaksiran bersifat holistik yang menilai aspek kognitif, afektif dan psikomotor selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Kurikulum Kebangsaan Malaysia (KKM) (KPM, 2012b). Objektif pelaksanaan PBS adalah: (1) mendapat gambaran secara keseluruhan tentang potensi murid, (2) memantau pertumbuhan dan membantu meningkatkan potensi murid dan (3) membuat pelaporan bermakna tentang pembelajaran individu murid (KPM, 2012b). PBS yang mula diperkenalkan pada tahun 2011 bagi peringkat sekolah rendah dan pada tahun 2012 bagi peringkat sekolah menengah (Firdaus, 2022) adalah salah satu daripada dua komponen utama dalam

Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) di mana komponen satu lagi ialah Peperiksaan Pusat (KPM, 2012b). PBS terbahagi kepada dua kategori iaitu akademik dan bukan akademik. Kategori akademik terdiri daripada Pentaksiran Pusat (PP) dan Pentaksiran Sekolah (PS) manakala kategori bukan akademik terdiri daripada Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan Pentaksiran Aktiviti, Sukan, Jasmani dan Kokurikulum (PAJSK) (KPM, 2012b; 2014b).

Persepsi Guru-Guru Terhadap Pelaksanaan PdP KBAT

Oleh kerana pelaksanaan KBAT adalah mandatori bagi guru-guru, maka pelbagai reaksi dan persepsi guru-guru telah timbul terhadap perubahan pendidikan ini di mana guru-guru mesti mematuhi dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh KPM. Terdapat beberapa kajian lepas telah mendedahkan persepsi guru-guru terhadap KBAT secara umum. Seorang guru yang ditemu bual mengenai KBAT telah menyatakan walaupun motif KBAT adalah baik, namun pelaksanaannya hanya menambahkan bebanan guru (Zarina, 2016). Nurulhuda et al. (2021) yang telah menemubual seorang guru berpengalaman mendapati bahawa KBAT masih perlu diperkasakan lagi kerana tahap sosioekonomi dan jenis sekolah yang berbeza sangat mempengaruhi kejayaan pembudayaan KBAT di sekolah. Christina dan Rosmiza (2023) yang telah menemubual enam orang guru untuk mengenal pasti persepsi guru mengenai cabaran melaksanakan KBAT termasuk guru menyatakan ia satu inovasi pendidikan yang sukar dilaksanakan ke atas semua murid, guru kurang bersedia, budaya yang kurang menyokong pelaksanaan KBAT dan kurang pemantauan. Dalam konteks mata pelajaran pula, Syazana dan Zamri (2018) yang menjalankan kajian mengenai persepsi guru-guru sekolah rendah Bahasa Melayu di daerah Sri Aman terhadap pelaksanaan PdP KBAT mendapati tahap pengetahuan, tahap pelaksanaan dalam pengajaran, tahap sikap dan tahap penilaian guru-guru mengenai KBAT adalah tinggi tetapi pemahaman guru menerapkan KBAT di dalam pengajaran adalah rendah. Sekumpulan guru-guru mata pelajaran Matematik yang mengambil program sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berpersepsi bahawa tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap mereka terhadap pelaksanaan PdP KBAT adalah tinggi (Uminur & Effandi, 2017). Kajian oleh Chew (2017) menunjukkan persepsi guru-guru teknik dan vokasional di daerah Muar terhadap pengetahuan dan pengaplikasian KBAT daripada aspek kurikulum, pedagogi dan pentaksiran adalah tinggi. Andy Lim (2019) yang mengkaji mengenai pelaksanaan KBAT bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di sekolah rendah berdasarkan kepada persepsi guru daripada kajian-kajian lepas mendapati pelaksanaannya masih belum mencapai tahap memuaskan.

Persepsi Guru-Guru Terhadap Pedagogi KBAT

Pedagogi KBAT mengesyorkan kaedah pedagogi berpusatkan murid abad ke-21 yang menekankan komunikasi dua hala antara guru dan murid-murid. Bagi membantu guru, pihak KPM ada menetapkan kaedah pedagogi berpusatkan murid mengikut kesesuaian topik di dalam DSKP. Sebagai contoh, terdapat 19 kaedah pedagogi berpusatkan murid dicadangkan di dalam kedua-dua silibus peringkat Tingkatan 4 dan 5 Prinsip Perakaunan (KPM, 2016b). Kelihatan di sini DSKP dijadikan sebagai panduan untuk guru melaksanakan pengajaran dan seterusnya pentaksiran (Kalai, 2020). Namun, terdapat kelemahan pada penetapan kaedah-kaedah pedagogi di dalam DSKP. Ia hanya mencadangkan tetapi tidak memperincikan bagaimana kaedah-kaedah tersebut dilaksanakan di dalam bilik darjah (Masliza & Nor'ain, 2021). Menyedari keperluan perincian tersebut, KPM ada menyediakan bengkel-bengkel KBAT bagi membantu guru meningkatkan pengetahuan dan pemahaman menerapkan KBAT di dalam pedagogi. Menurut sesetengah guru, walaupun bengkel-bengkel KBAT amat membantu dari segi meningkatkan pengetahuan dan pemahaman guru-guru melaksanakan PdP KBAT di dalam bilik darjah, tetapi, pengajaran di dalam bengkel-bengkel KBAT adalah bersifat umum seperti memberi penekanan terhadap peta-peta pemikiran dan kaedah penyoalan (Nooriza & Effandi, 2015; Wan Nor Shairah & Norazah, 2017). Tambahan pula, kebanyakan guru hanya diberi pendedahan dan berkursus di sekolah masing-masing (Nooriza & Effandi, 2015) dan tiada bengkel KBAT yang memfokus kepada mata pelajaran diajari disediakan (Mohamad Nurul Azmi & Norzatulshima, 2017). Noor Hasimah dan Effandi (2017) pula telah mengenal pasti tiga faktor menyebabkan kurangnya pelaksanaan KBAT di dalam bilik darjah iaitu (1) pengetahuan, (2) kemahiran dan (3) sikap guru. Selain itu, terdapat juga halangan-halangan lain yang menyebabkan guru-guru tidak dapat melaksanakan pedagogi KBAT dengan berkesan antaranya ialah beban tugas akademik, hal ehwal murid dan kokurikulum, sibuk

dengan pelbagai tugas luar dan kekangan masa yang dihadapi menyebabkan fokus di dalam PdP hanyalah untuk menghabiskan silibus (Rohaida & Zamri, 2016; Farah Aziana & Fazilah, 2018; Muhammad Talhah & Ahmad Marzuki, 2020; Nurulhuda et al., 2021). Selain itu, suasana bilik darjah, BBM dan ABM yang tidak memenuhi kehendak KBAT juga boleh membantutkan usaha guru mengaplikasikan KBAT di dalam PdP.

Persepsi Guru-Guru Terhadap PBS

Kajian-kajian lepas berhubung pelaksanaan PdP KBAT turut merangkumi kajian mengenai pelaksanaan PBS. Pada sekitar awal tahun pelaksanaannya iaitu dari tahun 2010 sehingga tahun 2014, pelbagai rungutan telah dibuat oleh guru-guru mengenai pelaksanaan PBS sehingga pihak KPM terpaksa mengeluarkan kenyataan media pada tahun 2014 untuk memberi penjelasan. Rungutan tersebut turut mendorong KPM sendiri menjalankan kajian mengenai isu bersangkutan dengan PBS. Bersumberkan daripada guru-guru dan kesatuan-kesatuan guru, beberapa isu telah dikenal pasti dan solusi dicadangkan oleh KPM di Dewan Rakyat. Selain daripada isu-isu berhubung PBS yang ditemukan oleh KPM, kajian-kajian lepas lain turut merungkai secara terperinci isu-isu pelaksanaan PBS yang timbul sejak sebelum pelaksanaannya lagi pada tahun 2011. Kajian oleh Azlin et al. (2019) menemukan tiga cabaran utama apabila guru melaksanakan PBS. Cabaran pertama yang dihadapi oleh guru-guru ialah bebanan tugas guru bertambah. Guru dikehendaki mentaksir setiap murid secara peribadi di mana jumlah murid adalah ramai. Cabaran kedua ialah guru tidak mendapat bimbingan yang cukup daripada pucuk pemimpin sekolah. Guru-guru didapati kurang berkeyakinan melaksanakan PBS kerana tidak memiliki pengetahuan, kemahiran dan sumber material yang cukup dalam melaksanakannya (Norzeliana et al., 2017). Cabaran ketiga dihadapi guru ialah pemberian band yang benar. Pada masa kini istilah band ditukar kepada tahap penguasaan. Ada guru-guru melahirkan kebimbangan mereka terhadap sistem PBS kerana mendapati murid-murid lemah dalam pelajaran. Ibu bapa turut mempertikaikan cara guru mentaksir (Norzeliana et al., 2017). Menurut Azlin et al. (2020), ibu bapa yang keliru dengan sistem pentaksiran campuran terdiri daripada komponen peperiksaan dan PBS meluahkan ketidakpercayaan mereka terhadap PBS dengan mempersoal mengapa anak-anak mereka diberikan band dan bukan gred yang lebih memudahkan mereka memantau pencapaian anak-anak di sekolah? Kajian beliau turut mendakwa sekiranya guru melaporkan pencapaian band yang rendah, pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) akan mempersoalkan apa yang telah dilakukan oleh guru seolah-olah menyalahkan guru. Kajian oleh Norzeliana et al. (2017) pula mendedahkan terdapat laporan yang menyatakan bahawa ada arahan daripada pihak atasan meminta guru-guru supaya memberi band yang baik kepada murid memperlihatkan sikap pihak atasan yang hanya mahu melihat laporan yang baik.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif fenomenologi. Fenomenologi seringkali digunakan dalam kajian pendidikan kerana pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan adalah mengenai hubungan dan pembinaan pengalaman guru dan murid (Hamre & Pianta, 2001; Pianta, 2006).

Sampel Kajian

Peserta kajian kualitatif dipilih dalam jumlah yang kecil bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang mendalam dan berfokus (Patton, 2002). Bilangan sampel kajian fenomenologi biasanya sedikit sahaja kerana proses pengumpulan data mengkehendaki pengkajian terhadap pengalaman manusia secara mendalam (Eddles-Hirsch, 2015). Untuk kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah persampelan kriteria (*criterion sampling*). Kriteria yang diperlukan ialah guru-guru Prinsip Perakaunan opsyen atau bukan opsyen yang mengajar mata pelajaran Prinsip Perakaunan SPM Tingkatan 5 KSSM selama sekurang-

Mengeksplorasi pengalaman guru-guru prinsip perakaunan melaksana PdP KBAT dan mengetahui pandangan mereka mengenainya

kurangnya setahun di sekolah menengah harian. Seramai 2 orang guru Prinsip Perakaunan berpengalaman mengajar lebih 20 tahun dan 30 tahun telah terlibat sebagai informan kajian.

Metodologi Kajian

Fenomenologi transendental adalah metodologi yang digunakan untuk mencapai tujuan kajian ini. Fenomenologi transendental digunakan untuk mengenal pasti esensi fenomena dengan cara memahami dan mendeskripsi fenomena itu daripada perspektif mereka yang telah mengalaminya. Seringkali, satu kajian fenomenologi transendental itu dijalankan untuk menjawab persoalan “apa fenomena yang dialaminya?” dan “bagaimana dia mengalami fenomena itu?” (Teherani, Martimianakis, Stenfors-Hayes, Wadhwa & Varpio, 2015). Prasangka seperti idea dan tanggapan terhadap fenomena hendaklah dikurung semasa mengumpul data. Dengan mengurung prasangka, fenomena KBAT yang diceritakan oleh guru-guru Prinsip Perakaunan adalah murni atau menjadi “hal itu sendiri” akhirnya membolehkan pengkaji mencari esensi iaitu proses terakhir dalam satu kajian fenomenologi transendental.


Analisis Data

Data temu bual ke atas guru-guru Prinsip Perakaunan yang dikumpul dalam bentuk audio ditukar ke dalam bentuk transkrip. Data temu bual kemudian dianalisis secara manual menggunakan enam langkah analisis tema oleh Braun dan Clarke (2006) bagi menjawab setiap persoalan kajian dan mengenal pasti tema serta subtema yang muncul hasil daripada analisis.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Tema 1-3


Soalan Kajian 1: Apa pandangan guru-guru Prinsip Perakaunan mengenai kurikulum mata pelajaran Prinsip Perakaunan KSSM?



Rajah 1. Tema-tema menjawab Soalan Kajian 1

Tema 1 ialah kurikulum mencapai matlamat KBAT. Seorang guru Prinsip Perakaunan berpendapat untuk mencapai matlamat KBAT tidaklah sukar kerana guru hanya perlu mengikuti apa yang telah dicadangkan di dalam DSKP. Dapatan kajian ini adalah selari dengan pandangan oleh George dan Mary (2022) yang menyatakan bahawa penerapan KBAT dalam DSKP sedikit sebanyak menyediakan garis panduan kepada guru untuk merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran seni bahasa yang berupaya mencabar kecerdasan kognitif murid. Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini tidak selari dengan dapatan kajian oleh Masliza dan Nor'ain (2021) yang mendapati DSKP tidak memperincikan bagaimana kaedah pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan di dalam bilik darjah dalam tajuk Matematik Pengguna: Pengurusan Kewangan. Dapat disimpulkan bahawa untuk kurikulum mencapai matlamat KBAT, guru hendaklah melaksanakan PdP KBAT selaras dengan apa yang telah dicadangkan di dalam DSKP dengan guru benar-benar memahami isi kandungan DSKP dan tahu bagaimana menggunakan maklumat di dalamnya.

Tema 2 ialah kurikulum membentuk kemenjadian murid. Berdasarkan kepada dapatan kajian, kemenjadian murid hasil daripada pelaksanaan kurikulum Prinsip Perakaunan KSSM melahirkan murid yang: berfikir secara rasional (ST1), murid berdikari (ST2), murid menggunakan KBAT (ST3) dan murid layak bekerja (ST4).



Rajah 2. Subtema-subtema bagi Tema 2

Subtema 1 ialah murid berfikir secara rasional. Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian oleh Ayu Haswida, Duratul Ain Dorothy dan Umu Kalsom (2020) yang menyatakan bahawa proses pemikiran rasional terhadap logik dan alasan yang digunakan sepenuhnya sebagai mekanisme penyelesaian masalah merupakan tahap paling tinggi dalam KBAT. Walaubagaimanapun, dapatan kajian tersebut tidak selari dengan kajian oleh Sheila Fitriana dan Nana Mardiana (2022) yang mendedahkan tahap kemahiran berfikir murid secara rasional bagi mata pelajaran Fizik adalah rendah dalam kalangan murid tingkatan menengah bawah. Berdasarkan kepada kajian-kajian tersebut, pemikiran rasional dilihat sebagai pemangkin untuk murid menggunakan KBAT. Guru dilihat memainkan peranan penting dalam memudahcara pembelajaran dan membentuk pemikiran rasional murid sebelum membimbing mereka ke aras KBAT.

Subtema 2 ialah murid berdikari. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh George dan Mary (2022) yang mendapati murid menunjukkan sifat berdikari dalam mencari makna melalui kamus kerana telah dibimbing oleh guru. Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini tidak selari dengan dapatan kajian oleh Zuraidah Juliana, Hafizul Adam, Ain Amirah dan Wan Nor Aqliah (2022) bagi pengajaran satu subtopik mekanisme degupan jantung dalam Biologi Tingkatan 4. Dalam kajian mereka, murid dikatakan kurang berdikari kerana memberi respon yang lambat apabila guru membuat sesi soal jawab dalam slot sumbangsaran. Dapat disimpulkan di sini selain bimbingan guru, kecenderungan murid untuk berdikari turut dipengaruhi oleh minat terhadap apa yang dipelajari. Menurut Siti Noor Asyikin, Suliadi dan Norazman (2015), murid yang mempunyai minat yang mendalam akan lebih bersemangat untuk menyelidik dan menyelesaikan sendiri soalan matematik dan statistik kerana mereka merasakan perkara tersebut amat menyeronokkan dan mencabar.

Subtema 3 ialah murid menggunakan KBAT. Dapatan kajian ini juga mendedahkan murid mampu menggunakan KBAT iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta apabila mempelajari kurikulum Prinsip Perakaunan KSSM Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Chai, Shahlan dan Saemah (2023) yang mendedahkan tahap penguasaan KBAT murid berada pada tahap sederhana tinggi. Namun, dapatan kajian ini tidak selari dengan kajian yang dijalankan oleh Siti Sarah dan Lilia (2021) yang mendakwa murid masih lemah menguasai soalan berbentuk membuat inferens dan ramalan dengan kata lain murid kurang menguasai aras KBAT menganalisis dan menilai. Justeru, dapat disimpulkan bahawa kemampuan murid untuk menggunakan KBAT tidak terletak pada peranan guru semata-mata kerana ia juga bergantung kepada usaha murid sehingga mampu menguasai KBAT. Ini adalah bertepatan dengan dapatan kajian oleh Chai, Shahlan dan Raemah (2023) yang mendapati terdapat hubungan linear positif yang signifikan antara efikasi sendiri atau usaha murid dengan penguasaan KBAT murid.


Subtema 4 ialah murid layak bekerja. Dapatan kajian ini turut mendapati bahawa murid sudah layak bekerja selepas SPM. Murid yang mendapat kelulusan LCCI pada transkrip SPM layak memohon sijil LCCI secara dalam talian dengan yuran perlu dibayar sebanyak RM35. Menurut Info Pendidikan Sabah (2017), LCCI atau *London Chamber of Commerce and Industry* merupakan salah satu badan pengiktirafan yang terkemuka dari United Kingdom yang mengiktiraf kursus-kursus berkaitan dengan perniagaan. Memiliki sijil LCCI adalah satu kelebihan kerana ia diiktiraf dan dikenali oleh semua

syarikat di Malaysia. Walaubagaimanapun, laluan kerjaya bagi murid lepasan SPM yang memiliki sijil LCCI dalam bidang perakaunan seringkali perlu bermula dari peringkat bawah seperti pengkeranian akaun.

Tema 3 ialah kurikulum mendapat permintaan kerana potensi kebolehpasaran. Dapatan kajian ini adalah selari dengan pendapat seorang Pensyarah Kanan Universiti Malaysia Kelantan, Dr Noorul Azwin (2021) yang menyatakan bidang perakaunan menjanjikan prospek kerjaya yang lebih meluas. Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini tidak selari dengan satu artikel yang dikeluarkan oleh Kerjaya.co (2018). Laporan tersebut memetik statistik daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang mendedahkan bidang perakaunan adalah antara lima bidang pengajian yang paling banyak graduan menganggur. Hakikatnya, kebolehpasaran graduan lebih banyak bergantung kepada graduan itu sendiri. Ini adalah selaras dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Norhanizah, Nazifah dan Mohd Isa (2017) yang mendapati untuk graduan perakaunan berkhidmat di suatu institusi, mereka hendaklah mempersiapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang menjadi keperluan utama institusi tersebut.

Tema 4-10

Soalan Kajian 2: Bagaimana guru-guru Prinsip Perakaunan melaksana pedagogi KBAT bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan dan apa pandangan mereka mengenainya?



Rajah 3. Tema-tema menjawab Soalan Kajian 2

Tema 4 ialah guru mempelbagaikan teknik pengajaran. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Noorashikin, Ahmad Fauzi dan Aida Suraya (2020) yang membuat kesimpulan bahawa guru perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk meningkatkan KBAT murid. Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini tidak selari dengan dapatan kajian oleh Mohd Syaubari (2021) yang mendapati guru tidak mempelbagaikan kaedah pengajaran atau teknik menyampaikannya kerana mereka lebih yakin dengan kemahiran penyampaian pengajaran yang mereka miliki berbanding kemahiran pedagogi untuk mengajar KBAT. Guru hendaklah mempelbagaikan kaedah atau teknik pengajaran bagi meningkatkan lagi keberkesanan menerapkan KBAT. Ini adalah bertepatan dengan kajian oleh Muhammad Faez, Wan Muna Ruzanna dan Melor (2018) yang mendapati bahawa kesemua guru atau responden kajian bersependapat guru perlu mencuba pelbagai strategi mengikut kemampuan murid untuk mengelakkan murid bosan semasa menggunakan elemen KBAT dalam penulisan karangan.

Tema 5 ialah guru senantias belajar. Dapatan kajian ini bertepatan dengan dapatan kajian oleh Rosnah, Muhammad Faizal dan Saedah (2013) menyatakan pendidikan guru adalah penting dan ciri-ciri perlu ada pada guru masa sekarang dan akan datang ialah guru memiliki kesungguhan untuk belajar, senantias belajar secara berterusan, senantias merefleksi diri dan cuba mengaplikasi pengetahuan baharu. Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini tidak selari dengan pandangan oleh Stigler dan Hiebert (2009) yang berpendapat bahawa untuk berubah, guru perlu belajar tetapi bukan semua guru mahu belajar. Dapat disimpulkan di sini bahawa profesionalisme guru tidak akan berjaya ditingkatkan selaras dengan kehendak perubahan pendidikan sekiranya guru sendiri tidak mahu berubah (Stigler & Hiebert, 2009).

Tema 6 ialah guru kreatif dan berinovatif. Berdasarkan kepada dapatan kajian, guru-guru Prinsip Perakaunan berpandangan guru perlu kreatif untuk menerapkan KBAT. Pendapat ini adalah selari dengan kajian yang dijalankan oleh Christina dan Rosmiza (2023) di mana dalam kajian mereka, guru berpendapat KBAT memerlukan guru kreatif untuk memikirkan aktiviti yang boleh mencabar pemikiran murid. Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini adalah tidak selari dengan dapatan kajian oleh Aini Hayati, Siti Mistima dan Muhammad Sofwan (2022) yang mendakwa keadaan atau budaya di sekolah seringkali tidak memupuk kreativiti. Menurut mereka lagi, guru-guru yang cenderung berfikir logik dan kritikal tetapi kurang kreatif merasakan untuk menjadi kreatif adalah satu masalah. Aini Hayati et. al (2022) telah mengenal pasti faktor-faktor guru menjadi kreatif iaitu efikasi sendiri, imaginasi, keyakinan terhadap pedagogi, sikap, personaliti, ketahanan, keyakinan diri, motivasi, kepuasan kerja, kemahiran teknologi, sikap suka mengadaptasi kreativiti, gaya pengajaran, pengetahuan dan input kerja. Hanya satu atau gabungan beberapa faktor tersebut sudah membolehkan guru untuk menjadi kreatif. Seiring dengan kreativiti ialah berinovatif. Peek (2023) menyatakan kreativiti adalah tindakan untuk memikirkan sesuatu yang baharu manakala inovasi merealisasikan atau mempratikkan idea baharu itu. Sebagai contoh, kreativiti memikirkan idea untuk ke angkasa lepas manakala inovasi membina roket untuk ke angkasa lepas. Dengan demikian, guru berinovatif adalah guru yang berupaya menggunakan inovasi pendidikan. Di Malaysia, pelbagai inovasi pendidikan seperti peta i-THINK, bilik darjah PAK21 dan penggunaan aplikasi pembelajaran secara digital telah direka khusus bagi pembelajaran berpusatkan murid. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Heri, Hasan, Kartianom, Ezi dan Risqa (2018) yang mendapati bahawa guru sudah sedia memahami akan kepentingan dan keperluan mengajar KBAT dengan menggunakan pelbagai model pembelajaran yang inovatif. Begitu juga dengan Rosnah et al. (2013) yang menyatakan guru perlu mengambil inisiatif dan risiko dengan melakukan inovasi. Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini tidak selari dengan dapatan kajian oleh Shamilati, Wan Mazwati dan Rahimah (2017) yang mendedahkan guru bergelut untuk menginovasi idea baharu dalam pengajaran KBAT dan berpandangan bahawa menginovasi aktiviti pengajaran kreatif dan alat berfikir untuk digunakan dalam sesi PdP adalah sangat mencabar. Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, seorang guru Prinsip Perakaunan berpendapat menjadi guru berinovatif adalah lebih mudah berbanding menjadi guru yang kreatif kerana hanya perlu memilih dan menggunakan inovasi-inovasi pendidikan yang sedia ada.

Tema 7 ialah guru celik IT. Kesemua guru Prinsip Perakaunan berpandangan guru hendaklah celik IT apabila menerapkan KBAT di dalam PdP. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Savery (2015) yang menyatakan ICT adalah pelantar berkesan memperkasakan murid dalam proses pemerolehan KBAT. Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini tidak selari dengan dapatan kajian oleh Alt (2018) yang mendapati guru kurang peka dengan perkembangan ICT semasa bagi diketengahkan sebagai bahan bantu mengajar dalam PdP. Oleh yang demikian, kepentingan ICT untuk meningkatkan keberkesanan KBAT di dalam PdP bukan sahaja terletak pada kemudahan semata-mata tetapi juga pengetahuan guru. Ini adalah selari dengan kajian oleh Muhammad Faiz dan Aidah (2017) yang menyatakan sekolah hendaklah diperkasakan dengan pembestarian sekolah dan penggunaan ICT dengan cara melengkapkan kemudahan infrastruktur, peralatan, perisian yang lengkap dan guru serta kakitangan sekolah mendapat latihan yang mencukupi dalam membudayakan penggunaan ICT dalam PdP di bilik darjah.

Tema 8 ialah murid memiliki asas ilmu pengetahuan. Berdasarkan kepada kajian ini, seorang guru Prinsip Perakaunan menyatakan adalah lebih mudah untuk mengajar dan menerapkan KBAT kepada murid yang telah memiliki asas ilmu Prinsip Perakaunan. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Sukiman (2012) yang berpandangan murid perlu terlebih dahulu mengetahui semua fakta dan konsep sesuatu mata pelajaran sebelum mereka boleh digalakkan berfikir. Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini adalah tidak selari dengan dapatan kajian oleh Foo, Mohd Faizal, Nur Hamiza dan Hoong (2021) yang menyatakan majoriti guru menghadapi masalah dalam PdP topik Algebra dan berasa tidak yakin diri dalam penyampaian konsep Algebra kepada murid-murid menyebabkan penguasaan murid dalam topik ini masih lemah. Dapat disimpulkan bahawa bagi memudahkan guru mengajar dan menerapkan KBAT, adalah lebih baik sekiranya guru memastikan murid telah menguasai asas pengetahuan. Seperti dalam kajian Chew dan Zul Hazmi (2018) yang mencadangkan supaya tindakan proaktif perlu diambil dalam kalangan pendidik Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) untuk menjadikan murid SJKT menguasai asas bahasa dahulu sebelum dapat membudayakan KBAT dalam PdP mereka. Sekiranya murid telah mempelajari asas pengetahuan


tetapi masih lemah, guru tidak perlu mengulang semula pengajaran asas tetapi menyelitkan sahaja sewaktu sesi PdP berjalan. Ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Mohd Zaidi, Ahmad Zabidi dan Rafiza (2020) yang mendapati guru menyelit dan mengukuhkan pengetahuan asas yang sepatutnya dikuasai oleh murid ketika di peringkat sekolah rendah.

Tema 9 ialah murid memiliki tahap kepintaran berbeza. Guru-guru Prinsip Perakaunan menyatakan murid memiliki tahap kepintaran berbeza dengan demikian pendekatan untuk mengajar KBAT juga berbeza. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Shamilati et. al (2017) yang mendapati penyampaian dan arahan guru berbeza di antara murid pintar, murid sederhana dan murid LINUS iaitu murid kurang mahir membaca, menulis dan mengira. Dapatan ini tidak selari dengan kajian yang dijalankan oleh Muhammad Faez et. al (2018) yang mendapati masalah timbul disebabkan perbezaan kecerdasan murid namun ada pendekatan atau alat berfikir yang boleh digunakan oleh guru ke atas murid pintar dan kurang pintar sekaligus mengurangkan jurang antara mereka. Kajian mereka turut menyatakan masalah yang timbul berikutan perbezaan kecerdasan murid boleh diatasi dengan mempelbagaikan kaedah menerapkan KBAT semasa pengajaran menulis karangan.

Tema 10 ialah murid berdisiplin. Guru-guru Prinsip Perakaunan menyatakan adalah lebih mudah menerapkan KBAT kepada murid yang berdisiplin. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Public Agenda (2004) yang mendedahkan 97% guru sebulat suara berpendapat sekolah memerlukan murid yang berdisiplin dan bertingkah laku baik untuk berkembang maju. Walaubagaimanapun, disiplin murid boleh diurus. Justeru, dapatan kajian ini adalah tidak selari dengan dapatan kajian oleh Denis dan Lawrence (2011). Di dalam kajian mereka, strategi pengurusan disiplin murid sekolah menengah yang seringkali digunakan ialah ganjaran, hukuman, komunikasi dan kaunseling dengan komunikasi adalah strategi paling dominan. Dapat disimpulkan bahawa masalah disiplin murid boleh diurus oleh pihak pengurusan sekolah dan guru.

Tema 11-13

Soalan Kajian 3: Apa pandangan guru-guru Prinsip Perakaunan mengenai bengkel-bengkel KBAT?



Rajah 4. Tema-tema menjawab Soalan Kajian 3


Tema 11 ialah kekerapan bengkel KBAT adalah berbeza bagi setiap sekolah. Guru-guru Prinsip Perakaunan berpendapat bengkel KBAT yang kerap diadakan membantu meningkatkan lagi pengetahuan mereka menerapkan KBAT di dalam PdP. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Rusliza, Norsamsinar, Jessnor dan Hemini (2017) yang mendedahkan terdapat hubungan positif signifikan antara latihan dalam perkhidmatan dengan efikasi sendiri guru menunjukkan semakin banyak latihan dalam perkhidmatan yang dihadiri termasuk bengkel-bengkel KBAT, semakin meningkat strategi penguasaan pengajaran guru. Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini tidak selari dengan dapatan kajian oleh Hasnah dan Jamaludin (2016) yang menunjukkan guru berpendapat pengetahuan pedagogi KBAT mereka meningkat walaupun jumlah jam kehadiran bengkel KBAT mereka adalah kecil. Dalam kajian tersebut, 93.2% atau 110 orang guru bersetuju pada item “Kursus yang saya hadiri memberikan manfaat yang baik bagi kefahaman KBAT” walaupun kebanyakan guru iaitu sebanyak 79.7% atau 94 orang guru menghadiri kursus KBAT hanya selama satu hingga lima jam sahaja. Pihak pentadbir sekolah disaran agar menganjurkan latihan dalam perkhidmatan secara berkala, khususnya berkaitan PdPc (Syed Ismail & Ahmad Subki, 2022) kerana ia memberi kesan positif ke atas guru-guru.

Tema 12 ialah bengkel KBAT menjurus kepada mata pelajaran diajari lebih membantu guru. Dapatan kajian ini adalah selari dengan pendapat Syed Ismail dan Ahmad Subki (2022) yang mencadangkan supaya bengkel mengikut panitia dan bidang perlu dilaksanakan untuk meningkatkan kompetensi guru dalam PdPc. Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini tidak selari dengan dapatan kajian oleh Nooriza dan Effandi (2015) yang mendedahkan kursus-kursus yang dihadiri guru hanya berfokus kepada peta-peta pemikiran dan penyoalan serta bersifat lebih umum. Pihak ataasan iaitu KPM, JPD atau sekolah seharusnya menganjurkan bengkel-bengkel KBAT yang menjurus kepada mata pelajaran kerana manfaat yang diperoleh guru adalah lebih berbanding bengkel-bengkel yang memberi pengetahuan KBAT secara umum.

Tema 13 ialah hanya wakil dihantar ke bengkel KBAT. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Christina dan Rosmiza (2023) yang mendapati pihak sekolah hanya menghantar beberapa wakil guru untuk mengikuti sebarang kursus mahupun bengkel berkaitan dengan dasar KBAT menyebabkan berlakunya ketirisan maklumat. Walaubagaimanapun, untuk mengadakan bengkel KBAT yang melibatkan kesemua guru akan melibatkan kos yang tinggi. Juateru, dapatan kajian ini adalah tidak selari dengan kertas kerja bengkel oleh Pejabat Pendidikan Daerah Dalat, Sarawak (2017) yang mendedahkan anggaran kos untuk menganjurkan bengkel KBAT “Jom Mantapkan PdP Kita: Perkongsian Amalan Terbaik PdP Sejarah Sekolah Menengah Di Bawah Program Tranformasi Daerah 2017” melibatkan seramai 37 orang guru Sejarah dan Matematik ialah RM4,378.60. Untuk menghantar kesemua guru yang mengajar ke bengkel KBAT adalah tidak wajar kerana memerlukan bajet yang besar

Tema 14-19

Soalan Kajian 4: Bagaimana guru-guru Prinsip Perakaunan melaksana PBS bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan dan apa pandangan mereka mengenainya?



Rajah 5. Tema-tema menjawab Soalan Kajian 4

Tema 14 ialah PBS adalah pentaksiran secara berterusan. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Surya Ain, Nor Hasniza, Johari dan Abdul Halim (2014) yang mendedahkan 83.33% guru menyatakan PBS adalah satu penilaian berterusan dan tidak tertumpu pada ujian atau peperiksaan akhir tahun. Namun, dapatan kajian ini adalah tidak selari dengan dapatan kajian oleh Anniliza, Al-Amin, Abd Ghani Kanesan dan Wan Fadhlurrahman (2020) yang mendedahkan 53% daripada 58 orang responden guru bersetuju untuk menjalankan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun sebagai sebahagian dari pentaksiran bilik darjah manakala 47% responden mematuhi arahan pemansuhan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun. Sistem pelaksanaan PBS yang ditadbir secara berpusat seringkali menimbulkan kekeliruan dalam kalangan guru. Pihak KPM atau PPD seharusnya aktif turun padang memberikan taklimat berkaitan dengan pelaksanaan PBS dan menjelaskan kekeliruan yang berlaku supaya pihak sekolah atau guru adalah tidak tersasar daripada dasar-dasar PBS yang telah ditetapkan oleh KPM.

Tema 15 ialah PBD menilai tahap penguasaan murid. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Pung Kodi dan Wan Musa Ruzanna (2023) yang menyatakan dengan melaksanakan

PBD, guru dapat mengenal pasti pengetahuan sedia ada murid dan perkembangan murid secara keseluruhan dengan demikian dapat mengenali kelemahan dan kekuatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran dari semasa ke semasa. Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini adalah tidak selari dengan dapatan kajian oleh Halimah dan Rozita (2019) yang mendapati kekeliruan, rungutan, ketidaktentuan dalam penskoran masih berlaku dan agak sukar diselaraskan kerana tahap penguasaan terlalu rigid, tidak jelas dan bersifat subjektif. Oleh kerana guru berperanan untuk menilai tahap penguasaan murid dari awal hingga akhir tahun, masalah-masalah yang dihadapi dalam melakukan penilaian perlu diatasi oleh guru dengan merujuk kepada guru-guru pakar atau pihak yang lebih arif.

Tema 16 ialah guru mengubahsuai manual LPM bagi membimbing tugas projek perakaunan. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Kalai (2018) yang mendapati bahawa guru-guru Prinsip Perakaunan telah mengubahsuai manual PBS yang disediakan oleh LPM bagi menangani cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang pelaksanaan PBS projek perakaunan. Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini tidak selari dengan dapatan kajian oleh Che Kamaruddin (2018) yang menjelaskan akan kepentingan pengetahuan, kesediaan dan amalan dalam meningkatkan pengoperasian guru melaksanakan PBS. Walaupun pihak KPM atau LPM ada memberi garis panduan melaksanakan PBS, namun maklumat yang disampaikan adalah kurang jelas, tidak bersepadu dan tidak menyeluruh menyebabkan guru melaksanakannya setakat mana yang difahami dan mengubahsuainya selagi tidak bercanggah dengan garis panduan ditetapkan (Kalai 2018; Halimah & Rozita, 2019).

Tema 17 ialah pentaksiran tugas projek perakaunan bukan hanya mentaksir hasil kerja akhir murid. Kedua-dua guru Prinsip Perakaunan menyatakan bahawa pentaksiran projek perakaunan dilakukan dijalankan secara serentak dengan bimbingan yang diberi kepada murid. Proses dari awal sehingga akhir membimbing sambil mentaksir tugas projek perakaunan murid bukan sahaja bagi membolehkan murid-murid memahami bagaimana melaksanakannya tetapi juga supaya markah yang diberi benar-benar merefleksi usaha murid sepanjang 13 minggu tugas projek tersebut berjalan. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Mohd Farid (2022) yang menyatakan murid perlu dibimbing dalam mengaplikasikan KBAT dalam penjaan idea agar penilaian berterusan serta kerja kursus dapat disiapkan dengan lebih efektif. Walaubagaimanapun dapatan kajian ini tidak selari dengan dapatan kajian oleh Shaban (2018) yang mendakwa tiga perempat daripada responden kajian terdiri daripada guru-guru tidak dapat membimbing pengajaran berasaskan projek kerana kekangan-kekangan seperti ketidaktentuan dalam memilih isi kandungan projek, pengurusan masa, pengawasan dan penilaian dan kemudahan yang tidak lengkap.


Tema 18 ialah bimbingan tugas projek perakaunan dijalankan di luar waktu kelas. Cikgu PA1 menyatakan bimbingan dan pentaksiran projek perakaunan dijalankan di dalam kelas tambahan sekiranya waktu di dalam kelas tidak mencukupi. Cikgu PA2 pula menyatakan beliau membimbing murid di luar waktu kelas secara atas talian dengan menggunakan kaedah *flipped classroom* di mana beliau meminta murid terlebih dahulu melakukan sendiri tugas projek perakaunan sebelum dibimbing. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Aksela dan Haatainen (2019) yang mendapati bahawa salah satu cabaran untuk melaksanakan pembelajaran berasaskan projek ialah pengurusan masa. Dapatan kajian ini turut selari dengan dapatan kajian oleh Loh dan Abdul Razaq (2022) yang mendedahkan *flipped classroom* telah berjaya meningkatkan KBAT dalam kalangan murid. Begitu juga dengan Fautch (2012) yang mendapati jumlah masa yang tersedia untuk menampung masalah tambahan dan membincangkannya secara menyeluruh meningkat dengan *flipped classroom*. Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini tidak selari dengan dapatan kajian yang sama oleh Fautch (2012) yang mendapati tiada banyak beza kaedah penyelesaian masalah dalam *flipped classroom* dan bukan *flipped classroom*. Dapatan kajian ini juga tidak selari dengan dapatan kajian oleh Rohaizat, Mohd Hanafi, Roziah dan Noraini (2020) yang mendapati bahawa *flipped classroom* gagal dimanfaatkan sepenuhnya oleh murid bermasalah pelajaran (MBP) kerana reka bentuknya tidak menepati keperluan MBP sehingga tidak dapat mengekalkan momentum serta menarik minat mereka dalam mendapatkan maklumat pembelajaran.

Tema 19 ialah pentaksir luar menjalankan tugas dengan baik. Dapatan kajian ini mendedahkan kebanyakan pentaksir yang dilantik untuk mentaksir tugas projek Prinsip Perakaunan terdiri daripada guru-guru Prinsip Perakaunan yang berpengalaman luas, baik dari segi mengajar atau mentaksir dengan demikian mereka cenderung untuk melaksanakan apa jua tugas dengan berkesan. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Kalai (2018) di mana dalam kajian beliau seorang responden yang juga merupakan seorang guru Prinsip Perakaunan menyatakan bahawa Ketua Pentaksir Kawasan

merupakan antara guru yang sangat berpengalaman dan mempunyai kemahiran serta kepakaran dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan justeru kemahiran dan pengalaman yang ada pada beliau dimanfaatkan sepenuhnya untuk membantu murid dalam tugas projek Prinsip Perakaunan mereka. Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini adalah tidak selari dengan dapatan kajian oleh Chan, Gurnam, Fatin Aliana, Parmjit dan Md Rizal (2012) yang menyatakan, rasionalnya guru lebih memahami murid daripada pentaksir luar. Oleh itu, berdasarkan kajian tersebut, penataran skor oleh pentaksir luar adalah tidak relevan.

Tema 20

Soalan Kajian 5: Apa pandangan guru-guru Prinsip Perakaunan mengenai kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah untuk melaksanakan PdP KBAT?



Rajah 6. Tema-tema menjawab Soalan Kajian 5

Tema 20 ialah kemudahan PdP KBAT adalah berbeza bagi setiap sekolah. Kajian ini mendedahkan kemudahan KBAT bagi sekolah seorang guru Prinsip Perakaunan tadalah lengkap tetapi tidak lengkap bagi seorang lagi guru. Justeru dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Nurulhuda et al. (2021) di mana seorang responden yang juga merupakan seorang guru menyatakan kemudahan yang diterima oleh sesebuah sekolah bagi memudahkan proses KBAT adalah berbeza menyebabkan pencapaian pembudayaan KBAT untuk setiap sekolah juga berbeza. Tema tersebut dilihat dari dua sudut iaitu kemudahan lengkap dan kemudahan tidak lengkap. Bagi kemudahan lengkap, dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Mohd Syaubari dan Ahmad Yunus (2017). Dalam kajian mereka, seorang responden yang juga merupakan seorang guru telah menyatakan sekolah di mana beliau bertugas menyediakan kemudahan komputer dan LCD di dalam bilik darjah dengan demikian memudahkan penerapan KBAT. Bagi kemudahan tidak lengkap, dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian oleh Christina dan Rosmiza (2023) yang mendapati ketidaklengkapan infrastruktur sekolah dan bahan-bahan pengajaran menyebabkan guru sukar untuk melaksanakan dasar KBAT bersama dengan murid sehingga murid menyediakan bahan-bahan mereka sendiri semasa proses pembelajaran KBAT dijalankan. Walaubagaimanapun, dapatan kajian tidak selari dengan laporan oleh Rafidah (2023) yang mendakwa terdapat sebanyak 830 sekolah kebanyakannya terletak di Sabah dan Sarawak yang dikategorikan sebagai berskala enam dan tujuh ditakrifkan sebagai tidak selamat serta memerlukan penggantian atau pembangunan semula. Bermakna, kemudahan KBAT di sekolah-sekolah tersebut tidak dapat dikategori sebagai lengkap atau tidak lengkap kerana keadaan keseluruhan sekolah adalah terlalu daif dan memerlukan pembangunan semula.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa guru-guru Prinsip Perakaunan menerima perubahan kepada KBAT secara positif dan memberi kerjasama yang baik dengan berusaha melaksanakan PdP KBAT sebaik mungkin selaras dengan dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh KPM walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran. Cabaran yang dihadapi boleh jadi berpunca daripada diri guru sendiri atau daripada murid. Cabaran daripada diri sendiri adalah seperti guru kurang berpengetahuan atau kurang berkemahiran menerapkan KBAT di dalam pedagogi. Cabaran berpunca daripada murid pula adalah seperti murid tidak memiliki asas ilmu perakaunan, murid tidak berdisiplin, murid malas berfikir

dan murid kurang meminati mata pelajaran Prinsip Perakaunan menyebabkan guru sukar menerapkan KBAT. Walaubagaimanapun, cabaran daripada guru dan murid dilihat cuba diatasi oleh guru dengan sebaik mungkin. Namun, cabaran bukan berpunca daripada guru atau murid seperti masalah guru tidak menerima pembangunan profesionalisme seperti yang diharapkan daripada pihak atasan sebagai contoh tidak mendapat kursus dan latihan mencukupi untuk mengajar KBAT dan kemudahan disediakan oleh pihak sekolah yang tidak lengkap untuk melaksanakan PdP KBAT sukar diatasi oleh guru kerana berada di luar kawalan mereka. Masalah di luar kawalan ini sedikit sebanyak mengganggu kelancaran proses pelaksanaan PdP KBAT. Justeru, pihak sekolah dan KPM hendaklah prihatin akan permasalahan di luar kawalan guru tersebut dan segera menanganinya supaya pelaksanaan PdP KBAT oleh guru menjadi mudah dan lancar.

RUJUKAN

- Aini Hayati, P., Siti Mistima, M., Muhammad Sofwan, M. (2022). Factors influencing teachers creative teaching: A systematic review. *Cypriot Journal Of Educational Sciences*, 240-254. <https://doi.org/10.18844/cjes.v17i1.6696>
- Aksela, M. & Haatainen, O. (2019). Project-Based Learning (PBL) in Practice: Active Teachers Views of Its Advantages And Challenges in Integrated Education for The Real World: 5th International STEM in Education Conference Post-Conference Proceedings. Queensland University of Technology, pp 9-16, International STEM in Education Conference, Brisbane, Australia, 21 November 2018. <http://hdl.handle.net/10138/304045>
- Alt, D. (2018). Science teachers' conceptions of teaching and learning, ICT efficacy, ICT professional development and ICT practices enacted in their classroom. *Teaching and Teacher Education*, 73: 141-150.
- Andy Lim, T.H. (2019). Implementation of Higher Order Thinking Skills in the Primary ESL Classroom. 2nd Language and Communication Postgraduate International Seminar (LCPIS) di Universiti Teknologi Malaysia, Mei.
- Anniliza M.I., Al-Amin, M., Abdul Ghani K.A. & Wan Fadhlurrahman E.M.R. (2020). *Bab: Transformasi pendidikan tahap 1: Peperiksaan ke pentaksiran bilik darjah (PBD). Isu dan cabaran dalam pendidikan: Strategi dan inovasi*. Kaizentrenovation Sdn. Bhd
- Azlin N. M., Sharmini, S.V. & Bity S. A. (2019). Managing school-based assessment: Challenges and solutions for educational practice. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 7(7). <https://www.researchgate.net/publication/338392558>
- Ayu Haswida, A.B. Duratul Ain Dorothy, J.L., Umu Kalsom., A. (2020). Pembentukan citra watak dari teks komsas ke pentas sebagai mekanisme kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(3): 47-55. <https://www.researchgate.net/publication/343848415>
- Braun, V. & Clarke, V. (2006) Using thematic analysis in psychology, *Qualitative Research in Psychology*, 3(2): 77-101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Chai, W.T., Shahlian, S. & Saemah, R. (2023). Tahap efikasi sendiri dan penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kalangan murid. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(4): 318-333. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.4.27>
- Chan, Y.F., Gurnam, K.S., Fatin Aliana, M.R., Parmjit, S & Md Rizal, M.Y. (2012). Penilaian kemahiran guru Sejarah dan Geografi dalam pelaksanaan kerja kursus di peringkat sekolah menengah rendah. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 9: 47-80. <https://doi.org/10.32890/mjli.9.2012.7637>
- Che Kamaruddin, C.M. (2018). Pengetahuan, Kesediaan dan Amalan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Dalam Kalangan Guru Pendidikan Jasmani Sekolah Rendah. Tesis Kedoktoran. Open University Malaysia.
- Chen, H.T. (2015). *Practical program evaluation: Theory-driven evaluation and the integrated evaluation perspective*. 2nd Edition. Thousand Oaks. CA: Sage. <https://doi.org/10.4135/9781071909850>
- Chew, B.G. (2017). Pengetahuan dan Pengaplikasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kalangan Guru Teknik dan Vokasional. Tesis Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Istruksional dan Teknologi), Universiti Tun Hussein Onn.
- Chew, F.P. & Zul Hazmi, H. (2018). Kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu melalui teknik penyoalan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1): 1-12. <https://journalarticle.ukm.my/11831/>
- Christina, A. & Rosmiza, M.Z. (2023). Pengajaran KBAT merentas kurikulum: Cabaran guru dalam pelaksanaan. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 11(1): 61-72. <https://doi.org/10.51200/jpp.v11i1.4280>

- Connolly, M.R. & Seymour, E. (2015). Why Theories of Change Matter. Kertas Kerja. WCER. 2. Julai, 2015. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED577054.pdf>
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approach. *Research in Social Science: Interdisciplinary Perspectives*.
- Denis, T.O. & Lawrence, T. (2011). Strategies of managing student discipline in secondary schools in Gulu district. *International Journal of Current Research*, 3(11): 233-236. <https://journalcra.com/sites/default/files/issue-pdf/1095.pdf>
- Dr Noorul Azwin, M.N. (2021, 25 Disember). Bidang perakaunan janjikan prospek kerjaya lebih meluas. bhrencana@bh.com.my
- Eddles-Hirsch, K. (2015). Phenomenology and educational research. *International Journal of Advanced Research*, 3(8): 251-260. https://www.researchgate.net/publication/363860592_
- Ekhwan Haque, F.H. (2022, 18 Oktober). Cikgu Fadli tak bersalah. myMetro.
- Farah Aziana, A.A. & Fadzilah, A.R. (2018). Sorotan kajian kesediaan dan keperluan guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) di bilik darjah. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 9: 80-101. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol9.7.2018>
- Fautch, J.M. (2012). The flipped classroom for teaching organic chemistry in small classes: Is it effective? *The Royal Society of Chemistry 2012*, 1-11. <https://doi.org/10.1039/c4rp00230j>
- Firdaus, A. (2022, 1 Ogos). Pentaksiran berasaskan sekolah sudah diperkenalkan sejak 2011 – Radzi. Astroawani.
- Foo, J.Y, Mohd Faizal, N.L.A., Nur Hamiza, A. & Hoong, J.Y. (2021). Kajian keperluan pembangunan modul latihan berasaskan kemahiran berfikir aras tinggi bagi topik Ungkapan Algebra tingkatan satu. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14, 33–40. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol14.sp.4.2021>
- Fullan, M. (2001). *Leading a culture in change*. Wiley. <https://www.csus.edu/indiv/j/jelinekd/edte%20227/fullanleadinginacultureofchange.pdf>
- George R.B. & Mary F.S. (2022). Meneroka makna ungkapan dalam bahan seni bahasa tahun lima: Satu analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(1): 9-18. <https://www.researchgate.net/publication/360345805>
- Hamre, B. K. & Pianta, R. C. (2001). Early teacher–child relationships and the trajectory of children's school outcomes through eighth grade. *Child Development*, 72(2): 625-638. <https://doi.org/10.1111/1467-8624.00301>
- Halimah, J. & Rozita, R.S. (2019). Pelaksanaan penskoran pentaksiran lisan Bahasa Melayu dalam pentaksiran bilik darjah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(2): 25-36. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/205>
- Hasnah, I. & Jamaludin, B. (2016). Kompetensi guru Bahasa Melayu dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1): 56-65. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/133>
- Heri, R., Hasan, D., Kartianom, K., Ezi, A. & Rizqa, D.A. (2018). Teachers' knowledge about higher-order thinking skills and its learning strategy. *Problems of Education in the 21st Century*, 76: 215-230. <https://doi.org/10.33225/pec/18.76.215>
- Info Pendidikan Sabah (2017). Apa itu LCCI & apa kelebihanannya?
- <https://www.facebook.com/249729978786822/posts/apa-itu-lcci-apa-kelebihannyaapakah-lccilondon-chamber-of-commerce-and-industry-/316156452144174/>
- Kalai, S.A. (2018). Merancang, Melaksana Dan Mentaksir Dalam Konteks Pentaksiran Berasaskan Sekolah: Kajian Kes Guru-guru Prinsip Perakaunan Tingkatan Empat. Tesis Kedoktoran. Universiti Utara Malaysia.
- Kalai, S.A. (2020). Kurikulum, pengajaran dan pentaksiran dari perspektif pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Asian People Journal*, 3(1): 152-161. <https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.1.175>
- Kavoshian, S., Ketabi, S. & Tavakoli, M (2013). Self-evaluation through videotaping as an alternative mode of teaching. *The Iranian EFL Journal*, 7: 272. 20.1001.1.20088191.2016.35.2.1.2
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2012b, 27 November). Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Buletinkpm.blogspot.com.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2014a). *Elemen KBAT dalam Pedagogi*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2014b). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi di Sekolah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2016b). *Prinsip Perakaunan. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. Tingkatan 4 & 5*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Kerjaya.co (2018, 24 Mei). 5 bidang pengajian yang paling banyak graduan menganggur di Malaysia menurut statistik KPT. <https://kerjaya.co/5-bidang-pengajian-yang-paling-banyak-graduan-menganggur-menurut-statistik-kpt/>

Mengeksplorasi pengalaman guru-guru prinsip perakaunan melaksana PdP KBAT dan mengetahui pandangan mereka mengenainya

- Loh, M.W. & Abdul Razaq, A. (2022). Keberkesanan kaedah flipped classroom terhadap amalan pemikiran aras tinggi murid bagi mata pelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(3): 1-14. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1322>
- Masliza, S.R. & Nor'ain, M.T. (2021). Analisis keperluan untuk membangunkan modul pembelajaran berasaskan challenge dalam mempelajari Matematik bagi murid Tingkatan 4. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 11: 50-58. <https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol11.sp.5.2021>
- Mohamad Nurul Azmi, M.R., Nurzatulshima, K., Umi Kalthom, A.M. & Mohd Hazwan, M.P. (2017). Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) sekolah rendah. *International Journal of Education and Training*, 3(2): 1-7. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/59410>
- Mohd Syaubari, O. (2021). Permasalahan kemahiran menetapkan objektif pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI) sekolah rendah berteraskan elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). *E-jurnal Penyelidikan dan Inovasi KUIS*, 2(8):191-207. <https://ejpi.kuis.edu.my/index.php/ejpi/article/view/22/17>
- Mohd Syaubari, O. & Ahmad Yunus, K. (2016). Keberkesanan permulaan pengajaran menerusi amalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah negeri Perak. *Online Journal of Islamic Education*, 4(2): 23-35. <https://ojie.um.edu.my/index.php/O-JIE/article/view/5229/3028>
- Mohd Zaidi, H.M.Z., Ahmad Zabidi, A.R. & Rafiza, A.R. (2020). Cabaran pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah pedalaman: Bersediakah dalam melaksanakan KBAT? *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(1): 11-24. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/22198/11156>
- Muhammad Faez, N.A., Wan Muna Ruzanna, W.M. & Melor, M.Y. (2018). Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran karangan UPSR oleh guru Bahasa Melayu: Satu kajian kes. *Sains Humanika*, 10(3-2). <https://doi.org/10.11113/sh.v10n3-2.1485>
- Muhammad Faiz, K. & Aidah, A.K. (2017). Penerimaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Kalangan Guru Reka Bentuk Dan Teknologi Di Kawasan Pedalaman Sarawak. Seminar Penyelidikan Pendidikan 2017 di IPBL, Kuching, Sarawak. 20-22 Mac.
- Muhammad Talhah, A. & Ahmad Marzuki, M. (2020). Sikap guru pendidikan Islam terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pemudahcaraan. *e-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 2: 71-82. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/E-Jitu/article/view/12793>
- Norhanizah, J., Nazifah, M. & Mohd Isa, M.D. (2017). Prospek Graduan Perakaunan Melalui Institusi Kewangan Islam Di Malaysia. International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017) Institut Latihan Malaysia (ILIM) Bangi, 7 September.
- Noorashikin, N.I., Ahmad Fauzi, M.A. & Aida Suraya, M.Y. (2020). Impact of higher order thinking skills (HOTS) module based on the cognitive apprenticeship model on student's performance. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 19(7):246-262. <https://doi.org/10.26803/ijlter.19.7.14>
- Nooriza, K. & Effandi, Z. (2015). Integrasi kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran matematik: Analisis keperluan guru. *Jurnal Pendidikan Matematik*, 3(1): 1-12. <https://www.researchgate.net/publication/278848211>
- Noor Hasimah, H. & Effandi, Z. (2017). Kesiediaan Guru Matematik Dalam Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran KBAT. National Pre-University Seminar 2017 (NpreUS2017), RHR Hotel, 23 Ogos.
- Norzelliana, I., Norazilawati, A. & Saniah, S. (2017). Isu Dan Cabaran Pentaksiran Berasaskan Sekolah Dalam Kalangan Guru. Universiti Pendidikan Idris.
- Nurulhuda, M.H., N., Nur An Nisa Fithri, M.N., Yamuna, T., Qarihatun Najah, N., Nur Syaidatul Aisyah, Z., Nurul Raihana Najwa, M.R., Nurfara Adilah, M.F., Nurfatihah, T. & Nur Afina Syahida, M.J. (2021). Perspektif guru terhadap kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan pelajar. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 3(2): 50-56. <https://doi.org/10.36079/lamintang.jhass-0302.237>
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research and evaluation methods*. Thousand Oaks. Cal: Sage Publications.
- Peek, S. (2023). Creativity Is Not Innovation (But You Need Both). <https://www.businessnewsdaily.com/6848-creativity-vs-innovation.html>
- Pejabat Pendidikan Daerah Dalat (2017). Jom Mantapkan Pdp Kita:Perkongsian Amalan Terbaik Pdp Sejarah Sekolah Menengah Di Bawah Program Tranformasi Daerah 2017. Kertas Kerja Bengkel KBAT.
- Public Agenda (2004). Teaching interrupted: Do discipline policies in today's public schools foster the common good? Public Agenda Foundation, New York, NY.
- Pung Kodi, V. & Wan Musa Ruzanna, W.M. (2023). Tahap kefahaman, kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah (PBD) di sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1): 544-559. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.43>
- Rafidah, M.R. (2023, 14 Februari). 830 sekolah seluruh negara ada bangunan daif, tak selamat. BHonline.

- Rohaida, M dan Zamri, M. (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan guru Bahasa Melayu melaksanakan kajian pengajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 41(1): 173-182. <http://ejournal.ukm.my/jpend/issue/view/878>
- Rohaizat, I., Mohd Hanafi, M.Y., Roziah, I. & Noraini, A. (2020). Indikator sokongan pembelajaran dalam reka bentuk flipped classroom bagi murid bermasalah pembelajaran berdasarkan kesepakatan pakar. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9(2): 23-33. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol9.2.3.2020>
- Rosnah, I., Muhammad Faizal, A.G. & Saedah, S. (2013). Amalan Pembelajaran Dalam Kalangan Guru Sekolah Berprestasi Tinggi. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(2): 52-60. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/7954/5472>
- Rusliza, Y., Norsamsinar, S., Jessnor E.M.J. & Hemini, K. (2017). Hubungan antara latihan dalam perkhidmatan dan efikasi sendiri guru. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 2(6): 34-45. <http://www.ijepc.com/PDF/IJEPC-2017-06-01-02.pdf>
- Savery, J. R. (2015). Overview of problem-based learning: Definitions and distinctions. Essential readings in problem-based learning: Exploring and extending the legacy of Howard S. Barrows, 9, 5-15. <https://doi.org/10.7771/1541-5015.1002>
- Shaban, A. (2018). Project-based learning implementation and challenges. *International Journal Education, Learning and Development*, 6(3): 71-79. <https://www.eajournals.org/wp-content/uploads/Project-Based-Learning-Implementation-Challenges.pdf>
- Shamiliati, S., Wan Mazwati, W.Y., Rahimah, E. (2017). Teachers challenges in teaching and learning for higher order thinking skills (HOTS) in primary school. *International Journal of Asian Social Science*. 7: 534-545. <https://doi.org/10.18488/journal.1.2017.77.534.545>
- Sheila Fitriana & Nana Mardiana (2002). Profile of rational thinking ability skills and student learning motivation in physics learning. E3S Web Conf. 339 06006. <https://doi.org/10.1051/e3sconf/202233906006>
- Siti Noor Asyikin, M.R., Suliadi, F.S. & Norazman, A. (2015). Pencapaian kursus matematik dan statistik di kalangan pelajar uthm: faktor mempengaruhi dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang lebih diminati. *Journal of Techno-Social*, 7(2). <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/JTS/article/view/1208>
- Siti Sarah, M.R. & Lilia, H. (2021). Keberkesanan pemikiran kritis dalam meningkatkan kemahiran dalam penyelesaian masalah KBAT. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 11(1): 60-76. <https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol11.1.6.2021>
- Stigler, J. W., & Hiebert, J. (2009). Closing the teaching gap. *Phi Delta Kappan*, 91(3), 32–37. <https://doi.org/10.1177/003172170909100307>
- Sukiman. (2012). Pengembangan Media Pembelajaran. Yogyakarta: Pedagogia. <https://digilib.uin-suka.ac.id/id/eprint/39441/1/SUKIMAN%20-%20PENGEMBANGAN%20MEDIA%20PEMBELAJARAN.pdf>
- Surya Ain, A., Nor Hasniza, I., Johari, S. & Abdul Halim, A. (2014). Tahap Kesedaran Pelajar Tahun 4 Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). *Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik 2014*, 11-13 Ogos. http://eprints.utm.my/61194/1/NorHasnizalbrahim2014_TahapKesedaranPelajarTahun4FakultiPendidikan.pdf
- Syed Ismail, S.M. & Ahmad Subki, M. (2022). Tahap pengajaran dan pemudahcaraan guru di salah sebuah sekolah menengah daerah Langat. *Journal Civic and Social Studies*, 6(1): 90-99. <https://doi.org/10.31980/civicos.v6i1.1735>
- Teherani A, Martimianakis T, Stenfors-Hayes T, Wadhwa A, Varpio L. (2105). Choosing a qualitative research approach. *Journal of Graduate Medical Education*, 7(4):669-670. <https://doi.org/10.4300/jgme-d-15-00414.1>
- Wan Nor Shairah, S. & Norazah, M. N. (2017). Kesediaan Guru dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *Simposium Pendidikan diPeribadikan: Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017)*. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/14033>
- Zarina, A.R. (2016). Tahap Kesediaan Guru Dalam Aspek Pengetahuan dan Keperluan Latihan Berfokuskan Aplikasi KBAT. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Zuraidah Juliana, M.Y., Hafizul Adam, H., Ain Amirah, R. & Wan Nor Aqliah, T.M.S. (2022). Penguasaan subtopik mekanisme denyutan jantung menerusi kaedah tapak tangan “Draw on your palm”. *Global Journal of Educational Research and Management*, 2(1): 297-307. https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/138154/2105_ZURAIDAH_JULIANA_MOHAMAD_YUSOFF.pdf